

'Cubalah amal tradisi ibu kita dulu'

Kuala Lumpur: Antara punca utama lelaki tempatan dikatakan mudah terperangkap dengan cinta palsu wanita warga asing disebabkan kaedah memikat mereka yang berbeza dan tidak ada pada wanita tempatan.

Pakar sosial Prof Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, wanita warga asing terutama dari seberang masih memegang tradisi yang ibu-ibu kita, orang lama buat iaitu lelaki terutama suami perlu dihormati, cakap dengan merendahkan suara dan tidak melawan.

barang bangkangan.

"Ini pakej yang menjadi dambaan lelaki tempatan, mereka mahu dihormati dan diletakkan pada kedudukan tinggi sedangkan wanita tempatan dalam keadaan tertentu dilihat tidak mampu berbuat demikian sedangkan wanita warga asing terutama dari seberang masih memegang tradisi yang ibu-ibu kita, orang lama buat iaitu lelaki terutama suami perlu dihormati, cakap dengan merendahkan suara dan tidak melawan.



DR Mohammad Shatar

LAPORAN Metro Ahad,
semalam.

"Ini petunjuk utama kenapa kita tengok hari ini ramai lelaki tempatan yang terpedaya dan terperangkap



dengan wanita dari seberang. Ia sebenarnya tidak ada kena mengena dengan kecantikan seseorang itu, sebaliknya kaedah memikatnya yang berbeza," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Metro Ahad semalam mengenai pengakuan beberapa wanita warga asing yang asalnya berkunjung ke Malaysia untuk bekerja sebelum akhirnya bertindak mengikis wang lelaki tem-

patan termasuk 'bos' di tempat kerja masing-masing hingga licin dan muflis.

Mengakui kejadian itu boleh membawa kepada implikasi sosial lebih serius, Mohammad Shatar yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Putra Malaysia (UPM) menyarankan wanita tempatan supaya mencontohi kaedah yang diamalkan golongan wanita zaman dahulu ketika melayan lelaki terutama suami masing-masing.